

22 MAR 2004

Abdullah-PM

ABDULLAH ANGKAT SUMPAH SEBAGAI PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengangkat sumpah jawatan dan sumpah menyimpan rahsia sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail sehari selepas Barisan Nasional berkuasa semula setelah memenangi pilihan raya umum ke-11 semalam.

Acara yang penuh adat istiadat itu, yang berlangsung di Balai Rong Seri Istana Negara di sini tepat pukul 4 petang, menyaksikan Abdullah melafazkan ikrar berbunyi berikut:

"Bismillahirrahmanirrahim.

Wallahi, Wabillahi, Watallahi.

Saya Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah dilantik memegang jawatan Perdana Menteri dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur, dengan segala daya-upaya saya, bahawa saya akan memelihara, melindungi serta mempertahankan perlembagaannya."

"Saya Abdullah Haji Ahmad Badawi bersumpah bahawa saya tidak akan memberitahu atau menzahirkan kepada sesiapa sama ada secara langsung atau tidak langsung apa-apa perkara yang dibawa untuk pertimbangan saya atau yang akan diketahui oleh saya sebagai seorang Perdana Menteri kecuali sebagai mana yang mungkin dikehendaki untuk menunaikan dengan sempurna kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian atau sebagai mana yang mungkin dibenarkan dengan khas oleh Yang di-Pertuan Agong."

Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat.

Abdullah diiringi isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Turut hadir bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta kenamaan lain.

Pada istiadat ringkas yang berlangsung selama 20 minit itu Abdullah,

64, menandatangani watakah pelantikan dengan disaksikan Ketua Hakim Negara

Tan Sri Ahmad Fairuz Abdul Halim.

Istiadat yang disiarkan secara langsung melalui televisyen itu, bermula dengan permasyhuran oleh Penolong Datuk Paduka Maharajalela mempelawa Abdullah maju untuk menerima watakah sumpah dan suratcara pelantikan yang kemudian dibacanya.

Istiadat ditutup dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Wilayah Persekutuan Prof Dr Yusuff Hussain.

Semalam Barisan Nasional berkuasa semula dengan memperolehi 196 kerusi Dewan Rakyat iaitu melebihi majoriti dua pertiga tidak termasuk enam kerusi yang diperintahkan dikira semula keputusannya.

Abdullah sendiri memenangi kerusi Kepala Batas yang diwakilinya sejak 1978 dengan memperolehi majoriti besar sebanyak 18,122 undi mengalahkan calon PAS Abdul Khalid Rasid yang pernah mencabarnya pada pilihan raya umum 1999.

Terdahulu di PUTRAJAYA, Abdullah mengumumkan pada sidang media bahawa beliau akan mengadakan mesyuarat pertama Jemaah Menteri di bawah kerajaan baru Barisan Nasional (BN) pada 31 Mac ini.

Semua menteri kabinet yang bertanding pada pilihan raya umum semalam memenangi kerusi masing-masing.

-- BERNAMA

KHY RYN RON